HASiL/2026/11/25 – 56

HASiL BANTU TINGKAT KUALITI PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, SOKONG PEMBANGUNAN MURID SEKOLAH KEBANGSAAN BATU 38, SABAK BERNAM

SABAK BERNAM, 25 NOVEMBER 2026 – Keperluan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik kepada murid terus menjadi fokus penglibatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam pembangunan masyarakat apabila Sekolah Kebangsaan (SK) Batu 38, Sabak Bernam, Selangor dipilih sebagai sekolah angkat menerusi **Program Sekolah Angkat MADANI (SAM) HASiL 2026.**

Menerusi inisiatif ini, HASiL memberi tumpuan kepada penambahbaikan kemudahan sekolah dan sokongan terhadap keperluan warga pendidik bagi membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih baik serta menyediakan ruang kepada murid untuk mengembangkan potensi dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Antara usaha yang telah dilaksanakan termasuk menaik taraf dewan utama dan bilik muzik, menyediakan peralatan sukan, televisyen serta sistem siar raya, di samping menganjurkan kursus peningkatan kompetensi guru. Pelaksanaan inisiatif ini berdasarkan keperluan yang dikenal pasti bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam dan pihak sekolah. Bagi tujuan tersebut, peruntukan berjumlah RM100,000 telah disalurkan melalui HASiL dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi

memenuhi keperluan serta meningkatkan kemudahan pendidikan di sekolah berkenaan.

Pelaksanaan program yang bermula pada Ogos 2026 itu turut mengambil kira keperluan sekolah dalam pelbagai aspek, merangkumi pentadbiran, kurikulum, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Hal Ehwal Murid (HEM) dan kokurikulum. Pendekatan ini membolehkan bantuan yang disalurkan memberi tumpuan kepada keperluan sekolah secara menyeluruh, bukan hanya kepada penyediaan kemudahan fizikal.

Selain membantu meningkatkan kemudahan pendidikan, HASiL turut mengambil peluang mendekati golongan murid melalui Program Sahabat HASiL yang melibatkan lebih 60 orang murid. Program ini menyediakan pendedahan awal mengenai percukaian menerusi sesi sembang percukaian, tayangan video dan permainan interaktif bagi memperkenalkan peranan cukai dalam pembangunan negara serta kemudahan awam yang dinikmati oleh masyarakat.

Dalam ucapannya YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL berkata penglibatan HASiL dalam inisiatif ini merupakan manifestasi keprihatinan organisasi terhadap keperluan masyarakat, khususnya dalam menyokong persekitaran pendidikan yang dapat membantu perkembangan murid dan warga pendidik.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembangunan negara memerlukan sokongan dan komitmen pelbagai pihak, manakala pendidikan merupakan asas penting dalam

membentuk generasi berilmu, berkemahiran serta mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai rakyat. Justeru, HASiL melihat penglibatan dalam program seumpama ini sebagai peluang untuk menyumbang secara langsung kepada komuniti, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Majlis Perasmian SAM HASiL 2026 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin. Turut hadir ialah YBrs. Puan Marhani M. Haniff, Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam; YBrs. Encik Shahrul Niza Bishahrin, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat HASiL; dan YBrs. Encik Mohd Khairul Rizal Othman Odanu, Guru Besar SK Batu 38.

Penglibatan HASiL di SK Batu 38 merupakan kesinambungan pelaksanaan SAM selepas inisiatif sama dilaksanakan di SK Kuala Perlis, Perlis pada 7 Ogos yang lalu. Melalui usaha ini, HASiL terus menyokong agenda pembangunan pendidikan negara dengan memberikan perhatian kepada keperluan institusi pendidikan dan manfaat jangka panjang kepada generasi akan datang.

Sebarang pertanyaan, permohonan bantuan atau maklum balas boleh dikemukakan kepada HASiL melalui saluran komunikasi rasmi yang berikut:

a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / +603-8911 1000 (Panggilan Dari Luar Negara);
b) HASiL Live Chat bagi mendapatkan bantuan dan maklumat secara dalam talian;
c) HAFY Tax Assist, pembantu maya HASiL yang menyediakan panduan dan maklumat berkaitan percukaian dengan pantas dan mudah;

d) e-Janji Temu Sidang Video bagi mendapatkan khidmat konsultasi secara dalam talian bersama pegawai HASiL berdasarkan slot janji temu yang ditetapkan; atau

e) Borang Maklum Balas Pelanggan yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL di pautan https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 25 November 2026

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan perasmian sempena Program Sekolah Angkat MADANI (SAM) HASiL 2026.



KPE HASiL menyampaikan cenderamata kepada YBrs. Puan Marhani M.Haniff, Pegawai Pendidik Daerah Sabak Bernam diiringi oleh YBrs. Encik Muhd Khairul Rizal Othman Odanu, Guru Besar SK Batu 38.



KPE HASiL menyantuni murid-murid SK Batu 38 dalam sesi ramah mesra yang berlangsung hari ini.



KPE HASiL bergambar kenang-kenangan bersama dengan tetamu jemputan, tenaga pengajar serta murid-murid SK Batu 38.